

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 27 MEI 2015**

**RUJUKAN : 8066**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah jelas dan tegas dalam  
menangani masalah rempit di kalangan remaja.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Dalam konteks PDRM, sebagai agensi penguatkuasa, pendekatan yang diambil lebih menjurus kepada tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti “Mat Rempit” yang merupakan satu penyakit sosial yang boleh memudaratkan kepada penunggang itu sendiri dan pengguna jalanraya yang lain.**

**Antara tindakan tegas yang telah, sedang dan akan diambil dalam usaha membanteras kegiatan “Mat Rempit” adalah seperti berikut:-**

**i) Menangkap dan Mendakwa Penunggang**

**Penunggang yang menyertai kegiatan “ Mat Rempit” akan disiasat dan didakwa di bawah Seksyen 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ( APJ) atau di bawah Seksyen 279 Kanun Keseksaan.**

**ii) Ops Tutup atau *Element Of Surprise***

**Ops Tutup dijalankan di sesuatu lokasi yang dikenalpasti sebagai tempat berkumpul kumpulan “Mat Rempit”. Ops Tutup yang dijalankan boleh memberi impak yang besar kepada kumpulan ini kerana selain tangkapan akan dibuat terhadap penunggang, motosikal curi, motosikal yang diubahsuai atau tidak mengikut spesifikasi, motosikal yang**

tidak mempunyai cukai jalan dan lain-lain kesalahan boleh diperolehi dan motosikal tersebut akan disita.

**iii) Tindakan merampas dan menyita motosikal**

Setiap motosikal yang terlibat dalam kesalahan di bawah Sek. 42 (1) APJ 1987 dan motosikal yang tidak mempunyai cukai jalan, motosikal yang diubahsuai, penunggang yang menunggang tanpa lesen memandu dan apa-apa jua kesalahan di bawah APJ akan disita di bawah Sek. 64 APJ 1987. Tindakan ini perlu untuk mengelakkan penunggang-penunggang yang tidak mempunyai kelayakan menunggang dan motosikal yang tidak layak berada di atas jalan terus berleluasa di jalanraya. Motosikal yang disita ini boleh ditahan selama 3 bulan dan dalam tempoh tersebut, pemunya berdaftar boleh menuntut kembali motosikalnya.

**iv) Tindakan terhadap pemunya berdaftar dan penunggang**

Tuan punya motosikal yang membenarkan motosikalnya digunakan oleh individu yang tidak mempunyai lesen memandu atau motosikal tersebut tidak mempunyai cukai jalan dan digunakan oleh individu lain, tindakan boleh diambil terhadap pemilik atau tuan punya motosikal di bawah Sek. 23. APJ 1987 dan Seksyen 51 APJ 1987 sekiranya terdapat bukti yang penunggang terbabit menggunakan motosikal tanpa kebenaran tuan punya yang berdaftar.

**v) Menunggang di bawah pengaruh alkohol**

Penunggang motosikal yang ditahan yang disyaki mengambil alkohol akan dibuat ujian pernafasan dengan menggunakan peralatan *Evidential Breath Analyzer* ( EBA ) dan jika tahap kandungan alkohol dalam badan melebihi tahap yang dibenarkan, maka penunggang motosikal terbabit boleh dituduh di bawah Sek. 45A. APJ 1987 di Mahkamah.

**vi) Ujian air kencing (*urine test*) ke atas penunggang dan pembonceng**

Ujian air kencing akan dijalankan ke atas penunggang dan pembonceng motosikal yang disyaki mengambil dadah. Sekiranya disahkan mereka ini positif dadah tindakan berikut akan diambil:-

**a) Tindakan di bawah Sek 15 (1) Akta Dadah Berbahaya**

**b) Tindakan di bawah Sek. 3 Akta Penagih Dadah**

**c) Tindakan di bawah Sek 36 (1) APJ 1987**

**vii) Mendidik penunggang-penunggang motosikal supaya lebih berhemah di jalan raya.**

Hal ini mencakupi aspek yang luas dan bukan sahaja melibatkan pihak PDRM tetapi perlu melibatkan pihak-pihak lain seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Syarikat Swasta, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR),

pihak media dan lain-lain jabatan Kerajaan. Antara aktiviti yang dianjurkan oleh kerjasama pihak swasta seperti “*Shell Game*” serta “*Road Traffic Campaign*” oleh pihak Shell Malaysia.

**viii) Kerja amal (khidmat masyarakat)**

Pesalah-pesalah juvana yang disabit kesalahan di bawah Sek 42 (1) APJ 1987 akan diperintah oleh mahkamah untuk melakukan kerja amal di bawah pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini dapat mendidik golongan ini untuk menginsafi kesalahan mereka setimpal dengan usia mereka yang masih muda. Perkara ini telah dilaksanakan oleh pihak Mahkamah Trafik Kuala Lumpur.

**ix) Cadangan tindakan ke atas penonton lumba haram**

Orang ramai yang menyaksikan aktiviti lumba haram, sekiranya terdapat bukti yang kukuh, perlu diambil tindakan kerana tindakan mereka berkumpul adalah bertujuan menonton aktiviti lumba haram. Untuk mengambil tindakan ini, pindaan undang-undang perlu dibuat di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. Cadangan pindaan ini masih lagi dalam peringkat kajian awal PDRM memandangkan semua faktor perlu diambil kira terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan yang melibatkan kepentingan orang ramai diambil.

**Adalah diharapkan kerjasama dengan kementerian dan tindakan yang diambil oleh pihak PDRM, gejala “Mat Rempit” dapat ditangani sebaiknya. Namun apa yang lebih penting adalah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dan masyarakat dalam mendidik anak-anak dan mengawasi pergerakan anak mereka supaya tidak terjebak dengan aktiviti yang tidak berfedah dan boleh merosakkan masa depan golongan belia ini.**